

08/07/1998

Rundingan dua hala diteruskan

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Sudan akan mempertingkatkan hubungan dua hala terutamanya dalam bidang perdagangan melalui pelbagai kerjasama dan pelaburan membabitkan sektor pengangkutan, petroleum dan pertanian.

Sehubungan itu, rundingan mengenai pembayaran dua hala, kemudahan kredit dan persefahaman yang dicapai semasa lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Sudan Mei lalu sedang dan akan diteruskan.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Sudan begitu berminat mengadakan perdagangan dengan Malaysia dan memohon kemudahan kredit minyak kelapa sawit dan perkhidmatan udara di antara kedua-dua negara.

"Malaysia juga berminat membeli hasil pertanian daripada Sudan seperti minyak kacang tanah, daging lembu dan biri-biri yang bermutu dan murah," katanya kepada pemberita di Wisma Putra hari ini.

Terdahulu beliau menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Sudan, Dr Mustafa Osman Ismail, dan delegasinya yang dalam rangka lawatan kerja selama lima hari mulai semalam.

Ahli delegasinya termasuk Gabenor Bank Negara Sudan, Dr Sabir Mohammed Elhassan, Pengarah Jabatan Asia di Kementerian Luar Sudan, Abdul Hafiz Ibrahim dan empat ahli perniagaan.

Abdullah berkata, Dr Mustaffa akan menemui Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bagi membincangkan cadangan bagi mewujudkan hubungan udara di antara Malaysia dan Sudan.

Beliau berkata, tinjauan awal mendapati rakyat Sudan di Timur Tengah dan Afrika Utara memerlukan perkhidmatan penerbangan dan yakin Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan tempatan lain dapat menawarkannya.

(END)